

## **Kempen Labur & Level-Up (“Kempen”)**

### **A) Terma dan Syarat**

1. Kempen ini dianjurkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (No. Pendaftaran 197901003200 (47457-V)) (“ASNB”).
2. Kempen ini akan bermula bermula pada 1hb Jun 2025, jam 00:00 (GMT + 8) dan akan berakhir pada 31hb Mac 2026, jam 23:59 (GMT + 8) (“Tempoh Kempen”).
3. ASNB berhak untuk mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula dan/atau melanjutkan Tempoh Kempen mengikut budi bicara mutlak.
4. Dengan menyertai Kempen ini, peserta Kempen ini (“Peserta”) bersetuju untuk terikat dengan terma and syarat di bawah.

### **5. Kelayakan**

5.1 Kempen ini merangkumi dua puluh empat (24) cabutan yang dijadualkan sepanjang Tempoh Kempen seperti berikut:

<b>Jun-25</b>	<b>Jul-25</b>	<b>Ogos-25</b>	<b>Sep-25</b>	<b>Okt-25</b>	<b>Nov-25</b>	<b>Dis-25</b>	<b>Jan-26</b>	<b>Feb-26</b>	<b>Mar-26</b>
Cabutan Bulanan	Cabutan Bulanan	Cabutan Bulanan	Cabutan Bulanan	Cabutan Bulanan	Cabutan Bulanan	Cabutan Bulanan	Cabutan Bulanan	Cabutan Bulanan	Cabutan Bulanan
Cabutan Bonus Bulanan	Cabutan Bonus Bulanan	Cabutan Bonus Bulanan	Cabutan Bonus Bulanan	Cabutan Bonus Bulanan	Cabutan Bonus Bulanan	Cabutan Bonus Bulanan	Cabutan Bonus Bulanan	Cabutan Bonus Bulanan	Cabutan Bonus Bulanan
Cabutan Suku Tahunan				Cabutan Suku Tahunan				Cabutan Suku Tahunan	
Cabutan <i>Grand Finale</i>									

5.2 Kempen ini terbuka kepada semua pemegang unit baharu dan sedia ada bagi semua tabung unit amanah ASNB (“Unit Amanah ASNB”) dalam Akaun Dewasa dan/atau Akaun Remaja, termasuklah semua kakitangan dan ahli keluarga terdekat (pasangan dan anak-anak) kepada kakitangan kumpulan syarikat milik Permodalan Nasional Berhad (No. Pendaftaran 197801001190 (38218-X)) (“Kumpulan PNB”).

5.3 Walau bagaimanapun, kakitangan syarikat Kumpulan PNB tidak layak untuk menyertai Cabutan Bulanan tetapi hanya layak untuk menyertai Cabutan Bonus Bulanan, Cabutan Suku Tahunan dan Cabutan *Grand Finale* (terhad kepada satu pemenang bagi setiap cabutan).

5.4 Peserta mesti memenuhi syarat-syarat minimum berikut untuk layak menyertai Kempen ini:

<b>Cabutan</b>	<b>Syarat Minimum</b>	<b>Jumlah Kelayakan</b>	<b>Bilangan maksimum penyertaan yang layak bagi setiap Peserta</b>
Cabutan Bulanan	Pelaburan RM100.00 ATAU Auto Labur RM50.00 dalam satu transaksi dalam mana-mana Unit Amanah ASNB bagi Tempoh ini	1	100
	Setiap penambahan pelaburan RM100.00; atau Auto Labur RM50.00	Tambahan 1	
Cabutan Bonus Bulanan	Pelaburan RM100.00 DAN Auto Labur RM50.00 dalam satu transaksi dalam mana-mana Unit Amanah ASNB bagi Tempoh ini	2	Tiada had
	Setiap penambahan pelaburan RM100.00; atau Auto Labur RM50.00	Tambahan 1	
Cabutan Suku Tahunan	Auto Labur RM50.00 dalam satu transaksi dalam mana-mana Unit Amanah ASNB untuk setiap bulan bagi Tempoh ini	3	Tiada had
	Setiap penambahan Auto Labur RM50.00	Tambahan 1	
	Jumlah pelaburan Peserta melebihi jumlah pengeluaran dalam mana-mana Unit Amanah ASNB sepanjang Tempoh ini	-	
Cabutan Grand Finale	Auto Labur RM50.00 dalam satu transaksi dalam mana-mana Unit Amanah ASNB untuk setiap bulan bagi Tempoh ini	9	Tiada had
	Setiap penambahan Auto Labur RM50.00	Tambahan 1	
	Jumlah pelaburan Peserta melebihi jumlah pengeluaran dalam mana-mana Unit Amanah ASNB sepanjang Tempoh ini	-	

5.5 Pelaburan hendaklah merangkumi pelaburan yang dibuat secara tunai, pembiayaan bank, dan Skim Pelaburan Ahli (SPA) KWSP, dan tidak termasuk transaksi pelaburan semula pengagihan pendapatan, penukaran dan pemindahan, serta pelaburan tersebut hendaklah dibuat melalui mana-mana saluran dan platform ASNB.

5.6 "Auto Labur" ialah perkhidmatan di portal dan aplikasi myASNB yang membolehkan pemegang unit menetapkan pelaburan berulang bulanan secara automatik ke dalam Unit Amanah ASNB.

5.7 Pengeluaran adalah tidak termasuh transaksi penukaran dan pemindahan.

5.8 Bagi tujuan Kempen ini, tempoh (“Tempoh”) yang dinyatakan bagi setiap cabutan ditakrifkan seperti berikut:

<b>Cabutan</b>	<b>Tempoh</b>
Cabutan Bulanan	Dari hari pertama sehingga hari terakhir bagi setiap bulan sepanjang Tempoh Kempen
Cabutan Bonus Bulanan	Dari hari pertama sehingga hari terakhir bagi setiap bulan sepanjang Tempoh Kempen
Cabutan Suku Tahunan	i. Suku Pertama: Dari 1 July 2025 hingga 30 September 2025 ii. Suku Kedua: Dari 1 Oktober 2025 hingga 31 Disember 2025 iii. Suku Ketiga: Dari 1 Januari 2026 hingga 31 Mac 2026
Cabutan <i>Grand Finale</i>	Dari 1 July 2025 sehingga 31 Mac 2026

## 6. Hadiah Kempen

6.1 Bagi setiap cabutan, Kempen ini menawarkan hadiah seperti berikut:

<b>Cabutan</b>	<b>Hadiah &amp; Pemenang</b>
Cabutan Bulanan	RM118.00 untuk 270 pemenang
Cabutan Bonus Bulanan	RM5,118.00 untuk 10 pemenang
Cabutan Suku Tahunan	RM8,118.00 untuk 10 pemenang
Cabutan <i>Grand Finale</i>	RM20,118.00 untuk 5 pemenang

6.2 Seramai satu ratus lapan belas (118) orang daripada kalangan pemenang akan dipilih oleh ASNB untuk menyertai lawatan khas ke Merdeka 118. Pemilihan akan dibuat berdasarkan kriteria dalaman yang ditentukan secara mutlak oleh ASNB.

## 7 Pemilihan Pemenang

7.1 Pemenang akan dipilih secara rawak melalui sistem komputer yang dikendalikan oleh ASNB bagi setiap cabutan.

7.2 Peserta yang sama layak untuk memenangi hadiah setiap bulan, tetapi hanya satu hadiah sahaja setiap bulan (mengikut nilai yang lebih tinggi).

7.3 Hadiah akan dikreditkan ke dalam akaun Unit Amanah ASNB yang layak milik pemenang, dalam tempoh enam puluh (60) hari bekerja selepas tamat setiap tempoh cabutan dan/atau selepas sebarang keperluan yang berkaitan dengan pengkreditan unit dipenuhi.

7.4 Hadiah adalah dalam bentuk unit amanah ASNB sahaja dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai. ASNB berhak untuk menawarkan hadiah dalam mana-mana tabung unit amanahnya tertakluk kepada kelayakan pemenang untuk melabur dalam tabung unit amanah tersebut, atas sebarang sebab tertentu mengikut budi bicara mutlaknya.

7.5 Pemenang akan diumumkan melalui media sosial ASNB, laman web, dan/atau mana-mana saluran komunikasi lain yang bersesuaian, mengikut budi bicara mutlak ASNB.

#### **B) Terma dan Syarat Am**

1. Setiap Peserta bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, Peserta membenarkan dan memberi kebenaran kepada ASNB untuk:
  - 1.1 mengumpul, menyimpan, memproses dan menggunakan semua maklumat dan data peribadi yang telah diberikan oleh Peserta kepada ASNB semasa menyertai Kempen ini termasuk gambar Peserta dan/atau pemenang, jika ada, (“Data Peribadi”) mengikut dasar privasi ASNB yang dinyatakan di laman web rasmi ASNB di [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my); dan
  - 1.2 mendedahkan dan berkongsi Data Peribadi antara Kumpulan PNB, ejen yang dibenarkan dan penyedia perkhidmatan (yang telah bersetuju untuk menjaga kerahsiaan Data Peribadi anda) untuk tujuan menyediakan produk dan Perkhidmatan kami atau mana-mana perkhidmatan berkaitan dan apa-apa tujuan lain yang berkaitan mengikut keperluan undang-undang yang relevan, tanpa sebarang bayaran atau pampasan.
2. Semua Pemenang Kempen ini akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua cukai, kadar, yuran kerajaan, atau caj lain yang mungkin dikenakan ke atas mereka mengikut undang-undang yang terpakai berkaitan dengan hadiah dan Kempen ini.
3. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, ASNB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, yang timbul berhubung dengan Kempen ini.
4. ASNB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan berhubung dengan Kempen ini disebabkan oleh sebarang kejadian luar biasa, peperangan, rusuhan, mogok, penutupan, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, pandemik, kegagalan teknikal atau sistem, atau apa-apa peristiwa yang berada di luar kawalan munasabah ASNB.
5. ASNB berhak untuk menentukan dan/atau menolak mana-mana Peserta yang tidak memenuhi kelayakan dan kriteria atau gagal mematuhi terma dan syarat Kempen ini seperti yang dinyatakan di sini dan/atau didapati atau disyaki menganggu Kempen ini dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini. Gangguan adalah termasuk aktiviti penipuan yang melibatkan sebarang perbuatan salah laku dan/atau penipuan berkaitan dengan Kempen ini.
6. ASNB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian yang timbul sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan peserta dalam Kempen ini atau sebaliknya.
7. ASNB berhak, pada bila-bila masa, untuk mengubah, memendekkan, membatalkan, menggantung atau menamatkan Kempen ini lebih awal sama ada secara keseluruhan atau

sebahagian, atau untuk meminda, memadam atau menambah mana-mana terma dan syarat ini, tanpa sebarang notis terlebih dahulu kepada Peserta.

8. Terma dan syarat Kempen ini, termasuk sebarang pindaan, penghapusan, atau penambahan, akan mengatasi sebarang peruntukan atau pernyataan berkaitan Kempen ini yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi, sama ada bercetak atau elektronik.
9. Sebarang keputusan oleh ASNB bagi senarai pemenang Kempen ini yang layak menerima hadiah adalah muktamad dan sebarang rayuan atau pertikaian tidak akan dilayan.
10. Sekiranya pemenang Kempen ini tidak memberi maklum balas/gagal dihubungi dalam tempoh yang ditetapkan selepas dihubungi oleh ASNB melalui mana-mana saluran komunikasi yang bersesuaian, pihak ASNB berhak untuk membatalkan hadiah tersebut.
11. Terma dan syarat Kempen ini akan tertakluk kepada undang-undang Malaysia.
12. Terma dan syarat Kempen ini dikeluarkan dalam kedua-dua Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat percanggahan antara kedua-dua versi, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.